



TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT ADLY BIN ZAHARI
TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN**

**MAJLIS PERASMIAN RUMAH BINA BAHARU DI BAWAH
INISIATIF PERUMAHAN VETERAN ATM**

**23 JUN 2023 (JUMAAT)
PONTIAN, JOHOR**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
(BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM)

الحمد لله رب العالمين وصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين
وعلى آله وصحبه أجمعين

(ALHAMDULILLAHIROBBIL 'ALAMIN, WASSOLATU WASSALAMU 'ALA
ASROFIL AMBIYA IWAL MURSALIN WA'ALA ALIHI WASOHBHI AJ MA'IN)

Segala Puji Dan Syukur Dipanjatkan Ke Hadrat Allah Subhanahu Wata'ala
Tuhan Sekalian Alam Serta Selawat Dan Salam Ke Atas Junjungan Kita Nabi
Muhammad Salallahu Alaihi Wasallam, Para Sahabat Dan Keluarga Baginda.

**(SENARAI SALUTASI AKAN DILAMPIRKAN KEMUDIAN OLEH JHEV ATM
CAWANGAN NEGERI JOHOR)**

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Presiden, YDP, Ahli Persatuan-Persatuan, Tuan-Tuan, Puan-Puan yang dikasihi dan dirahmati Allah sekalian.

1. Alhamdulillah, syukur ke Hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dan anugerah kesihatan yang baik olehNya, maka dapatlah kita sama-sama berkumpul pada hari ini bersempena majlis perasmian sebuah rumah bina baharu di bawah inisiatif perumahan Veteran ATM.
2. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua atas kesudian untuk hadir pada majlis hari ini. Terima kasih juga kerana mengalu-alukan kehadiran saya di sini.
3. Sebagai makluman, Kementerian Pertahanan sentiasa prihatin dan responsif dengan nasib dan hal ehwal Veteran ATM. Malah, aspek kesejahteraan veteran telah menjadi salah satu teras utama dalam pelan strategik kementerian ini.
4. Kementerian Pertahanan melalui JHEV sentiasa komited dalam memastikan inisiatif bantuan kebajikan, perubatan, pendidikan dan perumahan diteruskan dengan cekap dan berkualiti. Kementerian juga akan sentiasa berusaha untuk mengenal pasti peluang yang boleh memanfaatkan para veteran selaras dengan agenda pembangunan Malaysia Madani. Yakinlah, suara tuan-tuan dan puan-puan sentiasa kami dengari dan tindakan sewajarnya sedang dalam perhatian.

Para Hadirin yang saya hormati,

5. Kementerian Pertahanan telah melancarkan Program Peduli Veteran atau PPV pada awal tahun ini. Ia merupakan platform untuk saya turun padang menyantuni, mendekati dan berinteraksi secara langsung dengan veteran di setiap negeri. Program ini adalah tanda iltizam saya dan kementerian yang serius menangani permasalahan dan kebajikan Veteran ATM.
6. Alhamdulillah, melalui program ini, pelbagai input telah saya terima hasil daripada sesi dialog bersama veteran, lawatan ke rumah veteran, lawatan kepada usahawan veteran dan sesi ramah mesra bersama persatuan. Saya percaya, Kementerian khususnya JHEV boleh menghasilkan sesuatu yang memberi manfaat kepada komuniti veteran melalui input-input yang dikumpulkan.

Para Hadirin yang saya hormati,

7. Selari dengan agenda kita pada pagi ini, inisiatif bantuan perumahan telah diwujudkan bagi membantu Veteran ATM dari golongan berpendapatan rendah yang tidak mempunyai rumah, atau tinggal di rumah usang tetapi mempunyai tanah sendiri yang bersesuaian untuk dibina rumah yang sempurna.
8. Bagi menyokong visi ini, Kementerian telah menyediakan **3 inisiatif bantuan perumahan** iaitu melalui:
 - ✓ Projek SASaR MINDEF – kuota 15% diperuntukkan untuk Veteran ATM
 - ✓ Inisiatif Rumah Baharu; dan
 - ✓ Baik Pulih Rumah Veteran
9. Bagi inisiatif pembinaan rumah baharu, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM65,000.00 (Semenanjung) dan RM75,000.00 (Sabah / Sarawak). Manakala, pihak Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) menerusi Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) telah menyediakan **subsidi sebanyak RM20,000.00** untuk setiap rumah yang dibina.
10. Ini menjadikan kos keseluruhan sebuah rumah bina baharu adalah RM85,000.00 dan RM95,000.00 masing-masing di Semenanjung dan Sabah/ Sarawak. Sehingga 23 Jun 2023, sebanyak **43 permohonan bina baharu** dan **166 permohonan baik pulih** telah diluluskan melibatkan peruntukan berjumlah **RM5.74 juta**.
11. Kementerian secara konsistennya telah berusaha untuk meningkatkan peruntukan bantuan perumahan sejak tahun 2021 iaitu dari RM4.86 juta kepada RM5.746 juta pada tahun semasa. Tidak terhad kepada bantuan sedia ada, Kementerian melalui JHEV akan terus mengkaji bantuan perumahan dalam bentuk sewaan kepada mereka yang tidak mempunyai tanah atau rumah sedia ada.
12. Masih berkait dengan aspek bantuan perumahan, pihak Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) juga telah menawarkan peluang untuk anggota meneruskan bayaran balik baki pinjaman seperti biasa. Alhamdulillah, usaha ini membolehkan **4,000 peminjam** LPPSA layak menstruktur semula pembiayaan termasuk yang bakal bersara.

Para Hadirin yang saya hormati sekalian,

13. Dikesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada pihak SPNB atas kerjasama dalam menjayakan skim bantuan perumahan Veteran ATM. Tidak lupa juga kepada pihak kontraktor yang telah bertungkus lumus melaksanakan pembinaan rumah baharu ini.
14. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada warga kerja JHEV dan cawangan negeri Johor dalam menjayakan majlis penyerahan kunci rumah ini.
15. Penghargaan turut diberikan kepada Persatuan-Persatuan Veteran ATM Negeri Johor kerana sentiasa menyokong dan memberikan kerjasama yang cukup padu dan jitu kepada JHEV. Tanpa bantuan dan kerjasama dari persatuan, nescaya program pada hari ini tidak dapat berjalan dengan lancar.
16. Akhir kata, adalah menjadi harapan saya supaya inisiatif sumpama ini dapat terus diperkasakan demi memastikan kebajikan Veteran ATM dan keluarga sentiasa terpelihara.

**SEKIAN, WABILAAHITAUFIQ WALHIDAYAH WASSALAAMUALAIKUM
WARAHMATULLAAHI WABARAKAATUH.**